

Kepelbagai Tema Dalam *Maqāmāt* Imam al-Suyūtiy Berdasarkan Teori *Nazm*

¹Mohamad Faisal Kamis
mfaisalkamis@gmail.com

²Pabiyah Haji Maming@Toklubok
pabiyah@upm.edu.my

¹IPG Kampus Pendidikan Islam,
²Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Tema sesebuah karya sastera merupakan antara unsur intrinsik yang sering menjadi titik perbahasan dalam kajian akademik. Tema biasanya digambarkan sebagai idea, mesej atau gagasan pemikiran yang ingin disampaikan oleh seseorang pengarang dalam karya yang dihasilkan. Kajian terhadap tema secara eksplisit mampu menyorot maksud sebenar disebalik penggunaan gaya bahasa simbolik dan sastera yang terkandung dalam sesebuah penulisan. Manakala *maqāmāt* pula merupakan manifestasi perkembangan sastera Arab khususnya prosa yang muncul sejak kurun ketiga hijrah lagi. *Maqāmāt* adalah sebuah karya sastera yang sarat dengan penggunaan *uslūb* atau gaya bahasa simbolik dan memiliki makna yang tersirat. Maka, teks *maqāmāt* perlu dikaji secara mendalam dan terperinci untuk melihat apakah tema atau gagasan pemikiran yang ingin dibawa oleh seseorang pengarang itu. Justeru, kajian ini dihasilkan adalah untuk menganalisis teks seni *maqāmāt* yang ditulis oleh Imam al-Suyūtiy pada lewat kurun kesepuluh hijrah bagi merumuskan apakah tema utama yang ingin disampaikan oleh beliau melalui karya tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan teori *Nazm* yang diasaskan oleh ‘Abd al-Qāhir al-Jurjāniy dalam menganalisis setiap ayat dan perkataan yang berkaitan dengan tema atau idea yang terdapat dalam *maqāmāt Imam al-Suyūtiy*. Manakala pendekatan yang digunakan pula ialah pendekatan kajian kepustakaan dengan menganalisis data secara deskriptif berlandaskan reka bentuk kajian kualitatif bagi mencapai tujuan yang dinyatakan. Bahan kajian adalah *maqāmāt* Imam al-Suyutiy itu sendiri yang telah dikumpulkan, diperiksa dan disemak dengan teliti. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat kepelbagaian tema yang boleh diambil iktibar dan pengajaran dalam *maqāmāt Imam al-Suyūtiy*. Tema-tema ini merangkumi pelbagai bidang dan aspek kehidupan masyarakat seperti agama, sosial, politik dan sebagainya.

Kata Kunci: Tema;Seni *Maqāmāt*;Imam al-Suyūtiy;Prosa Arab

Abstract

*The theme of a literary work is one of the intrinsic elements that is often being the main point of academic studies. Themes are usually described as ideas, messages or thought that an author wants to convey his work for society. The study of themes explicitly can highlight the true meaning behind the use of symbolic and literary language styles contained in an article. Meanwhile, the *maqāmāt* is one form of prose used by scholars of Arabic language to deliver a message or idea of knowledge to the people. The *maqāmāt* is also loaded with the use of the *uslūb* or style of language, which is very beautiful and amazing. Hence, the text of the *maqāmāt* need to be viewed in detail to get the real meaning of express and implied. Thus, this study aimed to analyze the text of *maqāmāt* narrated by*

Imam al-Suyūṭiy to summarize what is the themes through the meaningful text of his maqāmāt. So the objective of this study is to identify the various themes or thoughts owned by Imam al-Suyūṭiy as he is one of the good scholars in Islam. This research is a librarianship study with descriptive data analysis based on qualitative studies form to reach the objectives outlined. The concept study is built using the naṣm theory by ‘Abd al-Qāhir al-Jurjāniy to analyze the meaning of every uslūb or the style of language used by Imam al-Suyūṭiy, subsequently sums up what the themes or ideas trying displayed by him through the literary text. The findings prove there is a diversity of themes or ideas of Imam al-Suyūṭiy that was illustrated through the work of his amazing maqāmāt. The expertise of Imam al-Suyūṭiy in mastering the various fields of knowledge have been used by him in writing until we're able to see a various themes in his maqāmāt.

Keywords : Themes; Art of Maqāmāt; Imam al-Suyūṭiy, Arabic Prose

Dalam mengkaji sesebuah karya sastera, biasanya ahli linguistik lebih cenderung untuk melihat bagaimanakah seorang pengarang menyampaikan sesuatu dengan cara atau gaya yang tertentu manakala pengkaji sastera pula lebih gemar melihat kesan nilai estetika dicapai melalui penggunaan bahasa. Persoalan tema pula sering dibahaskan oleh ahli linguistik bagi melihat sejauh mana gagasan pemikiran yang cuba disampaikan oleh seseorang pengarang mampu dicerna oleh ahli masyarakat. Di samping itu, pengkaji sastera juga tidak terlepas dari melihat kepentingan tema sesebuah karya yang wujud disebalik keindahan bahasa yang digunakan oleh mana-mana pengarang. Justeru, kajian terhadap tema sesebuah karya sastera wajar diberi perhatian lebih-lebih lagi apabila melibatkan teks sastera yang banyak menggunakan gaya bahasa tersirat atau tidak langsung. Karya sastera Arab seperti syair, riwayat, novel dan sebagainya sering menjadi tumpuan pengkaji Timur dan Barat dan ini termasuklah seni *maqāmāt*. Seni *maqāmāt* secara umumnya, ialah salah satu bentuk prosa Arab yang telah muncul sejak kurun ke-3 Hijrah lagi. Dari sudut etimologi, kalimah *maqāmāt* berasal dari perkataan *qāma* (قَامَ) yang bermaksud berdiri atau bangun dan *maqām* pula merupakan kata nama tempat (اسم المكان) bagi *qāma* yang membawa maksud tempat berdiri (ibn Manzūr, 1994). *Maqāmāt* juga adalah kata lafaz jamak bagi kalimah *maqām* (مقام) (ibn Manzūr, 2003). Manakala dari sudut istilah, *maqāmāt* merupakan salah satu genre penulisan sastera Arab yang mempunyai ciri estetika seni dan asas format yang tersendiri. Pengarangannya bertujuan untuk melontarkan apa sahaja idea yang dikehendaki dalam isu-isu tertentu, di samping menzhahirkan kehebatan dan keistimewaan pengarang dalam mengungkapkan kata-kata. Setiap kata-kata dan idea yang disampaikan biasanya menggambarkan kecenderungan dan hala tuju diri pengarang tersebut yang mengandungi pelbagai elemen *bādī'* dan ciri-ciri keindahan dan keelokan bahasa apabila diungkapkan (al-Darūbiy, 1989).

Menurut al-Darūbiy (1989) lagi, seni *maqāmāt* ini adalah cerminan atau refleksi kehidupan masyarakat di zaman pengarang tersebut di samping suara hati ahli-ahlinya. Seni ini dianggap salah satu bentuk prosa Arab yang mengandungi pelbagai elemen sastera selain syair atau puisi, peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan dan lain-lain lagi (Dayf, 2000). Menurut Dayf (1973) juga, ciri-ciri dan bentuk yang terdapat pada *maqāmāt* menghampiri cerpen pendek yang mempunyai rima yang sama atau kisah khayalan yang penuh dengan nilai sastera dan *balāghah*. Kisah dalam *maqāmāt* biasanya diceritakan oleh seorang perawi yang datang daripada imaginasi penulis itu sendiri. Perawi tersebut akan sentiasa berulang di dalam meriwayatkan pelbagai kisah yang terkandung di dalam *maqāmāt* dan digambarkan seolah-olah sang perawi mengalami sendiri seluruh peristiwa yang berlaku, sedangkan peristiwa tersebut hanyalah khayalan dan fantasi penulis sahaja (al-Darūbiy, 1989). Di samping itu, seni *maqāmāt* juga mempunyai seorang hero yang memiliki watak yang nakal, pintar, peminta sedekah, menghiburkan, gaya yang menarik serta menyenangkan (Hasan, 1974). Kesimpulannya, seni *maqāmāt* adalah sebahagian dari warisan sastera prosa Arab

yang digunakan sebagai medium oleh seseorang untuk menyampaikan apa yang terdapat dalam hati dan pemikirannya kepada pemimpin dan masyarakat.

Kajian persuratan lepas menunjukkan bahawa kebanyakan sasterawan Arab sebelum kurun ketiga hijrah gemar menjadikan syair, *khitābah*, *risālah*, *ḥikam wa amthāl* dan sebagainya untuk menyampaikan sesuatu maksud dan tujuan, namun kewujudan seni *maqāmāt* telah memberi gambaran yang berbeza terhadap perkara ini. Al-Darūbiy (1989) dan Əyf (1973) menyatakan bahawa penulisan *maqāmāt* telah menjadi salah satu cara oleh ramai ulamak Arab untuk menyatakan sesuatu pandangan, kritikan, nasihat dan sebagainya baik terhadap ahli masyarakat ataupun pihak pemerintah. Mereka mendapati bahawa seni ini bukan sahaja dikarang oleh tokoh sasterawan Arab seperti Hamadhāniy dan Ḥarīriy malahan juga tokoh dalam bidang agama seperti al-Suyūṭiy, al-Zamakhshariy, Ibn al-Jawziy dan seumpamanya.

Kamariah Kamaruddin (2009) berpandangan bahawa sesebuah karya sastera mempunyai peranan yang sangat besar dalam mendidik masyarakat. Namun begitu, kebanyakan sasterawan Arab lebih gemar memilih seni syair sebagai landasan untuk menyampaikan sesuatu mesej atau idea berbanding prosa (Shanūqah, 2008). Maka kajian terhadap seni *maqāmāt* wajar dilakukan lebih-lebih lagi apabila melibatkan tokoh yang besar dalam masyarakat Islam seperti Imam al-Suyūṭiy. Meskipun kajian terhadap seni *maqāmāt* telah banyak dilakukan, namun sorotan literatur terhadap kajian dan penyelidikan sebelum ini, menjelaskan bahawa masih terdapat kekurangan kajian yang melibatkan *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy*. Sorotan persuratan juga menunjukkan bahawa karya *Maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* walaupun muncul di akhir kurun ke-9 Hijrah tetapi setanding dengan karya *maqāmāt-maqāmāt* yang telah muncul lebih awal dalam persada seni sastera Arab seperti *Maqāmāt al-Hamadhāniy*, *Maqāmāt al-Ḥarīriy*, *Maqāmāt al-Zamakhshariy* dan lain-lain lagi (al-Darūbiy, 1989). Hasil kajian terdahulu juga jelas menggambarkan bahawa fokus kajian berkaitan *maqāmāt al-Suyūṭiy* banyak tertumpu kepada aspek perbandingan antara *maqāmāt* beliau dengan *maqāmāt* sebelumnya, gaya bahasa yang digunakan seperti perlambangan, personifikasi, semile, metafora, format penulisan, ciri-ciri *maqāmāt* dan lain-lain lagi. Namun setakat ini, pengkaji masih belum lagi menemui kajian yang menumpukan secara rinci terhadap persoalan tema yang ingin disampaikan oleh Imam al-Suyūṭiy. Al-Darūbiy (1989) menyatakan bahawa *maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* merupakan khazanah sastera bangsa Arab yang mempunyai nilai dan keistimewaan yang tersendiri dan wajar dikaji secara eksplisit untuk memperolehi apakah gagasan idea, mesej dan pemikiran yang terdapat dalam karya tersebut. Menelusuri kemunculan *maqāmāt Imam al-Suyūṭiy*, sebenarnya ianya ditulis sejajar dengan perkembangan prosa dan sastera Arab klasik yang telah bermula sejak sekian lama. Imam al-Suyūṭiy dilahirkan pada tahun 849 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 911 Hijrah. Walaupun zaman ini dianggap ramai pengkritik Arab sebagai zaman kejatuhan seni sastera, namun *maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* merupakan antara penulisan yang mempunyai nilai dan kedudukan yang tersendiri. Beberapa pengkaji sastera dan bahasa Arab seperti Əyf (1973), al-al-Bustāniy (1979), Darūbiy (1989) dan al-Ghubāriy (2013) berpandangan bahawa *maqāmāt Imam al-Suyūṭiy* adalah antara contoh utama dari pelbagai hasil penulisan sastera Arab bermutu tinggi yang terdapat pada zaman tersebut. Menurut Əyf (1973) selain karya ini, terdapat karya lain seperti “*Masālikī al-Abṣār*” dikarang oleh al-‘Umariy, “*Şubḥ al-‘A’shā Fī Ṣinā’ati Dawāwīn al-‘Inshā*” dikarang oleh al-Qalqashandiy dan “*Nihāyat al-Arab Fi Funūn al-Adab*” dikarang oleh al-Nuwayriy.

Pemilihan teori *Nażm* sebagai asas kepada proses penganalisisan data bertepatan dengan tujuan dan objektif kajian ini dijalankan. Ini kerana teori *Nażm* telah digunakan sebagai landasan dalam perbahasan dan perbincangan terhadap makna nahu dan makna konteks oleh sebahagian

sarjana Arab moden dan klasik seperti al-Zamakhsyariy (w: 538H), al-Alūsiy (W: 1270H), Ahmad Maṭlūb (1981), Muḥammad Abū Mūsā (1996) Faḍl Ḥassān ‘Abbās (1997) dan lain-lain lagi. Teori *Nazm* secara umumnya, menumpukan kepada aspek makna setiap kosa kata yang terdapat dalam sesebuah struktur ayat dengan melihat kepada fungsi nahu kosa kata tersebut apabila digabungkan dengan kosa kata sebelumnya atau selepasnya (al-Jurjāniy, 1994). Selain itu, teori ini juga melihat kepada peranan konteks yang melatari sesuatu peristiwa dalam memberi makna kepada sesuatu ujaran atau ungkapan. Makna konteks sangat diperlukan bagi mendapat maksud sebenar selain makna literal yang dimiliki oleh setiap kosa kata (Lāshīn, 1980). Justeru penggunaan teori ini sebagai landasan penganalisisan data mampu mengeluarkan tema-tema tertentu yang cuba disampaikan oleh Imam al-Suyūtiy berdasarkan seni *maqāmāt*nya kepada khalayak pembaca.

Maka tidak syak lagi bahawa *maqāmāt* merupakan contoh teks prosa sastera Arab yang menarik untuk dijadikan bahan kajian khususnya mengenai persoalan tema atau gagasan pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang itu sendiri. Pemilihan prosa sastera seperti teks *maqāmāt* adalah penting kerana sastera itu sendiri merupakan *Fann Qauqliy* yang mengandung nilai, iaitu dari segi cara pengungkapan, isi kandungan, perbezaan atau ciri khas (Darwīsh, 2008). Oleh itu, kajian ini sesuatu yang kritikal dan signifikan untuk dijalankan bagi menyorot fungsi dan peranan seni *maqāmāt* dalam menzahirkan kepelbagaian tema yang terdapat dalam *maqāmāt Imam al-Suyūtiy* di samping memaparkan kehebatan beliau dalam menyampaikan idea dan pemikirannya terhadap keadaan masyarakat pada zaman tersebut.

Oleh yang demikian, pengkaji berpandangan bahawa kajian yang dilakukan terhadap teks *Maqāmāt Imam al-Suyūtiy* ini, dengan menggunakan teori *nazm* adalah sesuatu yang wajar dilakukan kerana ianya berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini. Di samping itu, pemilihan teori ini juga mampu memberi interpretasi secara deskriptif dan eksplisit terhadap tema-tema utama yang cuba disampaikan oleh Imam al-Suyūtiy berdasarkan seni *maqāmāt*nya.

Perbincangan

Berdasarkan data yang dianalisis, pengkaji telah mendapati beberapa tema utama yang digambarkan melalui seni *maqāmāt*nya. Tema-tema tersebut ialah:

Bahasa dan Sastera

Sebenarnya, bukanlah sesuatu yang menghairankan apabila Imam al-Suyūtiy menjadikan tema bahasa Arab sebagai salah satu topik perbincangan dalam *maqāmāt*nya. Ini kerana beliau memang terkenal sebagai seorang yang hebat dalam bidang tersebut. Buku-bukunya seperti “*al-Muzhir Fi ‘Ulūm al-Lughah*” dan “*al-Ashbāh Wa al-Naẓāir*” merupakan hasil tulisan beliau yang khusus dalam bidang bahasa Arab (al-Shak’ah, 1994). Justeru, tema bahasa adalah tajuk perbincangan terawal yang dimasukkan al-Suyūtiy dalam seni *maqāmāt*nya (al-Darūbiy, 1989). Dalam *Maqāmāt Asyūt* misalnya beliau menyatakan:

ما كلمة إذا كثر عرضها قل معناها، وإذا ذهب بعضها جل مغزاها؟ وأي عامل يعمل فيه معموله ولا يقطع مأموله؟ وأي اسم مشترك بين فعل التفضيل والصفة المشبهة، ونفي إذا ثبت لم تزل أعماله الموجهة، وما حرف قلبه اسم كريم، وأسم تصغير اختص بالتكليم؟
وأي كلمة هي اسم وفعل وحرف، لم يتبه عليها أحد من علماء النحو والصرف، وأي فعل ليس له فاعل ومعمول لا ينسب لعامل؟

Apakah perkataan apabila banyak pendedahannya maka kuranglah maknanya dan apabila sebahagian kalimahnya telah tiada maka hilanglah maksudnya yang tersembunyi. Maka ‘Āmil yang manakah yang berfungsi dan ma’mūlnya dan tidak terputus dengan apa yang diharapkan? Dan manakah ism mushtarak antara af’al al-taṣfił dan ṣifat mushabbahah, dan nafiy jika disabitkan

maka tidak berfungsi sebagai nafiy? Apakah huruf yang diterbalikkan bagi ism karīm dan ism taṣghīr dikhususkan hanya dengan takrīm? Manakah perkataan yang terdiri daripada ism, fi'l dan huruf yang tidak dibina oleh seorang pun ulama ilmu nahu dan ḥarf, dan manakah fi'l yang tidak ada baginya fā'il dan ma'mūlnya tidak dinisbahkan kepada 'āmil?

Dalam teks di atas, jelas kepada kita bahawa Imam al-Suyūṭī cuba untuk membawa satu topik perbahasan berkaitan ilmu nahu dan ḥarf. Beliau menceritakan kononnya perawi yang bernama Hāshim bin al-Qāsim telah pergi ke Asyūṭ. Selepas solat Jumaat Hāshim telah bertemu dengan seorang lelaki yang dikenali dengan Abū Bashar. Lelaki ini dikatakan seorang yang alim,mahir dalam ilmu nahu dan fasih berkata-kata. Lalu Hāshim mengajak beliau untuk berdebat tentang ilmu nahu dan ḥarf seperti yang terdapat dalam teks. Tajuk-tajuk seperti definisi kalimah, 'āmil dan ma'mūl, ism tafsīl, ṣifah mushabbahah, qalb dan sebagainya adalah sebahagian topik yang terdapat dalam ilmu bahasa Arab khususnya nahu dan ḥarf.

Sebenarnya, Abū Bashar yang tedapat dalam teks di atas ialah watak hero yang diwujudkan oleh al-Suyūṭī bagi menjelaskan sesuatu perkara dalam beberapa kisah *maqāmāt*nya. Secara tidak langsung kita akan mendapati bahawa Imam al-Suyūṭī cuba untuk menunjukkan kemampuan beliau dalam ilmu nahu melalui watak hero yang bernama Abū Bashar. Kalau kita perhatikan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Abū Bashar di atas, langsung tidak dijawab oleh Hāsim bin al-Qāsim. Malah diceritakan bahawa Hāshim telah berlalu pergi selepas memohon maaf daripada Abū Bashar kerana tidak menjawab soalan-soalan nahu tersebut. Seterusnya semua yang menyaksikan perdebatan tersebut sangat mengagumi kehebatan Abū Bashar dalam menguasai ilmu nahu. Begitu juga dalam teks yang terdapat dalam *Maqāmah Bahriyyah*. Imam al-Suyūṭī mengungkapkan sebagaimana berikut:

وأصبح النحوي يلقط الحب كأنه ابن عصفور، ويقول : السعر ممدود والمال معصور، وأنا وكتبي للبيع جار ومجرور، قد كسر
ناب الإنفافة، ورفع باب الإضافة، ولقد لقينا أمراً إمراً وضرب زيداً عمراً..

Dan seorang ahli nahu telah mengambil bijian seumpama anak burung lalu dia berkata: Warna yang cantik dan keadaanya yang terhad. Lalu aku bersama kitab-kitabku untuk dijual itu adalah jār dan majrūr. Sesungguhnya telah diberis bawah nāb al-Ināqah dan diberis depan bāb al-Idāfah. Sesungguhnya kita akan mendapati kalimah Amran dan Imran; huruf hamzah diberis atas dan diberis bawah. Seterusnya kita akan mendapati ayat seperti Zayd telah memukul 'Imran atau 'Imran telah memukul Zayd.

Dalam teks di atas, Imam al-Suyūṭī cuba untuk menyampaikan ilmu nahu kepada para pembaca dengan menyatakan bahawa konsep *ism mamdūd* serta *jār* dan *majrūr*. Kedua-dua konsep yang cuba dijelaskan memang antara topik penting yang terdapat dalam ilmu nahu. Beliau menyebutkan bahawa hukum baris bawah dan baris depan yang terdapat pada huruf terakhir setiap kalimah yang dinamakan dengan *kasr* dan *raf'u*. Perubahan baris pada huruf terakhir inilah yang menjadi topik perbincangan dalam ilmu nahu yang cuba disampaikan oleh Imam al-Suyūṭī.

Manakala dalam teks yang lain pula beliau menyatakan:

وقال المعنوي: هل ترى للأرض من حقل؟ ويقول المؤمن: أنت الربيع البقل، وتمتد من خيام الملف الألطانب، ويوفى الكيل من
الزرع بالمساواة والإلطانب. وقال البياني: ترى هل تظفر الجسور بالأحرار، ويكون للماء إلى حقيقة المزارع مجاز؟ وقال البديعي:
هذه براعة الاستهلال، تؤذن بالإقلال، وتشعر بوضع الأغلال على مخازن الغلال..

Dan bertanya ahli Ma'āniy: Adakah kamu melihat bumi mempunyai petak tanaman? Maka seorang mukmin pun menjawab: Musim bunga telah menumbuhkan sayur-sayuran dan tali ikatan pula

dipanjangkan dari khemah penginapan, dan timbangan dipenuhi dengan hasil tanaman serta diukur secara saksama dan ditambah untuk lebih. Lalu bertanya ahli Bayāniy: Adakah kamu melihat jambatan memperolehi harta yang disimpan dan air pula mempunyai hakikat sebenar manakala seorang petani merupakan suatu kiasan? Seterusnya ahli Badī'iy pula berkata: Ini adalah Barā'atu al-Istihlāl, dibolehkan dengan sedikit dan kamu akan merasainya dengan meletakkan air di dalam tempat simpanan hasil buah-buahan.

Tajuk *Itnāb* dan *musāwāt* yang cuba dibincangkan oleh Imam al-Suyūtiy dalam teks diatas sememangnya antara tajuk yang terdapat dalam ilmu *ma'ānī*. Begitu juga dengan tajuk *haqīqah* dan *majāz* merupakan salah satu tajuk dalam ilmu *bayān* dan *barā'atu al-istihlāl* pula adalah salah satu topik tajuk yang terdapat dalam ilmu *badī'*. Kesemua tajuk ini adalah topik perbincangan yang terdapat dalam ilmu *balāghah*. Ilmu *balāghah* merupakan suatu disiplin ilmu yang berkaitan dengan gaya bahasa dan keindahan makna yang terdapat dalam ayat atau ungkapan bersesuaian dengan konteks dan situasi (Qazwīniy, 2000). Ilmu *balāghah* juga berkaita rapat dengan elemen sastera yang terdapat dalam sesuatu ungkapan seperti syair, peribahasa, simpulan bahasa, semile dan sebagainya.

Agama dan Hukum Fikah

Berdasarkan beberapa teks *maqāmāt Imam al-Suyūtiy*, didapati bahawa topik berkaitan isu agama dan hukum fikah ditonjolkan di beberapa tempat. Sebagai contoh beliau menyatakan dalam *Maqāmah Rayyāḥīn*:

وأنا إذ ذاك ألمي الحديث على طريقه من سلك من الحفاظ والأئمة وأورد في كل مجلس ما يسره الله من الفواد الجمة، مربى الحديث الوارد في السبعة الذين يظلمهم الله بظله ويشملهم بوابل فضله وطله وما نظمه الإمام أبو شامة..... وما زاده حافظ العصر أبو الفضل ابن حجر من سبقه آخر صحيحة الإسناد، وسبعين في أسانيدها ضعف للنقد...

Dan saya, apabila menyampaikan sebuah hadis berdasarkan cara para penghafal dan ulama hadis dan saya akan sebutkan hadis tersebut pada setiap majlis dengan apa yang dipermudahkan Allah bagi membuka hati para hadirin. Berkaitan hadis tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah dan diliputi dengan rahmat kurniaNya seperti apa yang dikarang oleh Imam Abū Shāmah..... dan apa yang ditambah oleh Ḥafiz Zaman Ini iaitu Abū al-Faḍl ibn Ḥajar serta orang lain yang telah mendahului beliau menyatakan bahawa isnādnnya sahih dan 70 orang dalam sanad-sanadnya adalah lemah bagi pandangan pengkritik hadis...

Dalam teks di atas, jelas menunjukkan kepada kita bagaimana Imam al-Suyūtiy memaparkan persoalan ilmu hadis sebagai idea yang ingin dilontarkan kepada khalayak. Imam al-Suyūtiy menyatakan bahawa *isnād* hadis berkaitan tujuh golongan yang mendapat lindungan Allah S.W.T di hari akhirat kelak itu adalah sahih. Beliau juga menyatakan bahawa Imam Ibn Ḥajar al-‘Asqalāniy (w: 852H) telah memberi komentar yang sama terhadap status hadis tersebut. Selain itu, beliau juga sering menggunakan hadis Nabi SAW sebagai dalil dalam *maqāmāt*nya. Sebagai contoh di dalam *maqāmah* قمع المعارض في نصرة ابن الفارض beliau menyatakan:

وردت بذكرهم الأخبار ورويت في مآثارهم الآثار عن الأخبار وجاءت الأحاديث بأنهم السابقون والأخيار دونك ما رواه الحديث الصادقون: ((لكل قرن من أمتي سابقون)).

Aku sebutkan dengan menyatakan khabar-khabar dan aku telah meriwayatkan dalam athar-athar mereka dan telah ada hadis-hadis yang menyebutkan bahawa sesungguhnya mereka itu adalah golongan terawal dan terpilih. Maka berpeganglah dengan apa yang diriwayatkan dalam hadis

bahawa maksud golongan terawal itu adalah golongan yang benar seperti sabdanya : “Bagi setiap kurun dari umatku akan ada golongan terawal (golongan yang benar) ”.

Hadis nabi ini digunakan oleh beliau untuk menjelaskan bahawa golongan umat Islam yang berpegang teguh dengan Quran dan Sunnah Nabi SAW akan sentiasa ada sehingga hari Kiamat. Tema berkaitan agama seperti persoalan akidah, akhlak dan keimanan kepada hari Kiamat sangat jelas dipaparkan oleh Imam al-Suyūṭiy melalui teks di atas sebagaimana beliau menjadikan hadis Nabi sebagai pelengkap kepada kisah *maqāmāt*nya. Sebagai contoh, beliau cuba untuk mempertahankan Ibn al-Fāriḍ yang teruk diserang dan dikritik oleh ulama-ulama yang tidak sealiran dengan fahamannya. Justeru, Imam al-Suyūṭiy memberi peringatan kepada orang yang menyerang Ibn al-Fāriḍ khususnya para alim ulama dengan menggunakan hadis di atas untuk menjelaskan bahawa setiap zaman ada insan yang soleh, ikhlas dan dekat dengan Allah S.W.T. Tidak mustahil insan tersebut adalah Ibn al-Fāriḍ kerana beliau terkenal dengan seorang yang kuat beribadah dan melakukan amalan kebaikan dan kebajikan.

Ibn al-Fāriḍ seorang ahli sufi yang banyak melakukan aktiviti ibadah bersama para pengikutnya. Justeru, Imam al-Suyūṭiy merasakan tidak wajar bagi mana-mana pihak tampil mengkritik secara keras terhadap Ibn al-Fāriḍ tanpa berlandaskan hujah dan dalil yang kukuh. Sehubungan dengan itu, Imam al-Suyūṭiy meletakkan hadis Nabi tersebut untuk memberi peringatan kepada semua golongan supaya berhati-hati dalam mengkritik apatah lagi menghentam sorang ahli sufi yang soleh agar kita tidak tergelincir dari landasan agama Islam yang sebenar.

Selain itu, Imam al-Suyūṭiy turut menyentuh tentang ilmu tafsir al-Quran, sepertimana yang terdapat dalam *Maqāmah Dhahabiyah Fī Ḥumā*, beliau telah memulakan dengan sepotong ayat al-Quran kemudian mentafsirkannya seperti:

قال الله تعالى في كتابه العزيز وكفى به حكمًا عدلاً مرضيًّا: { وَإِنْ مِنْكُمْ إِلَّا وَارْدَهَا كَانَ عَلَى رَبِّكَ حَتَّمًا مُقْضِيًّا } سورة مریم الآية .71

Imam al-Suyūṭiy telah mengambil pandangan Imam Mujahid (w: 103H) dalam mentafsirkan ayat di atas dengan menyatakan:

Al-Humā (kepanasan) di dunia ialah sebahagian musibah yang akan menimpa orang mukmin di akhirat kelak. Nabi SAW menyebutkan: “Kepanasan yang besar ialah dari neraka Jahannam, jika itu yang menimpa orang mukmin, maka nasibnya di dalam api neraka”. Maka maha suci tuhan yang lembut terhadap hamba-hambanya, memberi hidayah kepada hambanya yang beriman ke arah kebenaran, mendekatkan kepadanya untuk memperolehi kebahagian, memperelokannya dengan penyakit dunia dari nyalaan api neraka Jahannam, mempercepatkan untuk hambanya keringanan dari kepanasan bagi melindunginya dari pembalasan yang lagi berat.

Dalam *Maqāmah Lāzurdiyyah Fī Mawti al-Aulād* Imam al-Suyūṭiy telah memulakan penceritaannya dengan ayat al-Quran berikut:

{ وَلَئِنْ لَوْنَكُمْ بِشَيْءٍ مِنَ الْخُوفِ وَالْجُوعِ وَنَصْرٍ مِنَ الْأَمْوَالِ وَالثَّمَرَاتِ ۝ وَبَتِّرَ الصَّابِرِينَ (155) الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِحُونَ (156) أَوْلَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِنْ رَبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ۝ وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْمُهَتَّدُونَ } (157) سورة البقرة.

Seterusnya Imam al-Suyūṭiy telah mentafsirkan ayat di atas dengan berkata:

Sebahagian ulama telah mentafsirkan buah-buahan dalam ayat ini dengan maksud anak-anak kerana anak-anak boleh diibaratkan sebagai buah hati kepada ibu dan ayah. Lalu musibah yang

menimpa anak-anak merupakan seberat-berat musibah dan kematian anak-anak menyebabkan hati dan perasaan ibu bapa menjadi sedih dan gundah gulana dan ini tidak boleh dinafikan lagi.

Melalui ayat al-Quran di atas, Imam al-Suyūṭiy cuba untuk menasihati umat manusia supaya bersabar di atas sebarang ujian dan musibah yang menimpa terutamanya ujian kehilangan anak-anak. Beliau menjadikan ayat al-Quran sebagai hujah untuk menerangkan betapa perlunya untuk kita sentiasa bersabar di atas dugaan tersebut. Beliau sebenarnya turut memberi motivasi dengan memasukkan kelebihan dan pahala kepada mana-mana insan yang kehilangan anak yang tersayang. Beliau menjelaskan tentang hadis Nabi yang menyatakan bahawa kelebihan ibu bapa yang bersabar dan redha di atas kematian anak-anak mereka.

Topik berkaitan hukum fikah juga mendapat tempat dalam *maqāmāt Imam al-Suyūṭiy*. Ini jelas sebagaimana yang terdapat dalam *Maqāmah Baḥriyyah* dan *Maqāmah Dawrān Falakiy ‘Alā Ibn al-Karkiy*, Imam al-Suyūṭiy telah membahaskan tentang persoalan hukum berkaitan anak susuan. Berapakah bilangan susuan yang menjadikan seseorang bayi itu mahram kepada ibu yang menyusukannya? Lalu beliau menjawab dengan berpandukan kepada tafsir al-Quran dan menyatakan seperti yang berikut:

كم ورد على من سؤال فتركت الجواب عنه غضبا، فهل جئت فيه بنبي؟ ماذا صنعت في السؤال المهم الذي دار البلد ولم يجب عنه أحد؟ وهو الفرق بين قوله تعالى:{وأمهاتكم اللاتي أرضعنكم} وبين ما لو قيل:{واللاتي أرضعنكم أمهاتكم} حيث رتب على الأول خمس رضعات واردة ولو قيل الثاني لاكتفى برضعة واحدة

Berapa banyak soalan yang ditimbulkan kepadaku namun aku tidak menjawabnya kerana marah, lalu adakah kamu membawa berita tentangnya? Apa yang kamu lakukan dengan soalan penting yang sedang berlegar dalam kalangan masyarakat dan tidak ada seorang pun yang menjawabnya? Perkara itu adalah perbezaan antara firman Allah yang bermaksud: “Dan ibu-ibu mereka yang menyusukan mereka” dengan ayat lain yang bermaksud: “Dan orang-orang yang disusui oleh ibu-ibu mereka”. Perbezaannya ialah ayat pertama memberi maksud mesti menyusu dengan lima kali susuan manakala ayat kedua pula cukup hanya dengan sekali susuan

Dalam teks di atas, Imam al-Suyūṭiy cuba membahaskan persoalan fikah yang berkaitan dengan kadar susuan yang menyebabkan seseorang bayi itu menjadi anak susuan. Melalui seni *maqāmātnya*, beliau memulakan perbahasan dengan menyatakan bahawa terdapat pertanyaan dalam kalangan ahli masyarakat di zamannya berkaitan isu tersebut. Lalu beliau menjawab dengan mengemukakan dalil dari ayat al-Quran al-Karīm, surah al-Nisā’, ayat 23. Merujuk kepada ayat tersebut, Imam al-Suyūṭiy menyatakan bahawa kadar susuan yang menyebabkan seseorang bayi itu menjadi anak susuan ialah lima kali kenyang. Namun seandainya ayat tersebut diubah strukturnya seperti: {واللاتي أرضعنكم أمهاتكم} maka, beliau berpandangan cukup dengan sekali kenyang. Topik berkaitan hukum fikah ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang asing bagi beliau kerana Imam al-Suyūṭiy banyak mengarang kitab berkaitan persoalan fikah. Cuma yang menariknya disini, beliau telah menggunakan gaya bahasa sastera untuk mengupas topik berkaitan hukum-hakam fikah, itu adalah sesuatu yang menarik dan wajar diberi perhatian oleh para pengkaji bahasa dan sastera Arab.

Dalam teks yang lain pula, kita mendapati bahawa beliau juga membincangkan tentang hukum pernikahan *fāsid*. Beliau menceritakan sebuah kisah tentang seorang lelaki yang berkahwin dengan seorang perempuan selama 8 tahun dan kemudian dikurniakan dengan beberapa orang anak lelaki dan perempuan. Selepas itu, lelaki tersebut telah menceraikan isterinya dengan talak tiga dengan sekali lafadz. Maka Imam al-Suyūṭiy berpandangan perkahwinan seoarang lelaki yang jahat

dan fasik kerana tidak solat sepanjang hayatnya dengan mana-mana perempuan dianggap sebagai pernikahan *fāsid*. Beliau mengungkapkan permasalahan tersebut dengan berkata:

ومن ذلك أن رجلا من أصحابه تزوج امرأة وأولدها البنين والبنات، وأقام معها ثمانى سنين كاملات، ثم طلقها بالثلاث البات، فارشدت هذا الضلال إلى أن يدعى فساد النكاح، لكون والدتها الذي زوجه ليس من أهل الصلاة والصلاح.

*Dan oleh yang demikian, apabila seorang lelaki dari kalangan sahabat-sahabatnya menikahi seorang wanita dan melahirkan untuk lelaki tersebut anak lelaki dan perempuan dan mereka tinggal bersama selama lapan tahun. Setelah itu, lelaki tersebut menceraikan isterinya dengan talak tiga sekaligus maka dia telah membawa kesesatan ini kepada apa yang dipanggil dengan **kerosakan pernikahan**; iaitu ayah kepada anak-anak tersebut yang merupakan suami kepada wanita yang telah diceraiakan bukanlah dari kalangan mereka yang mendirikan solat dan melakukan kebaikan.*

Teks di atas jelas menunjukkan bahawa Imam al-Suyūṭīy bukanlah calang-calang cendekiawan. Beliau telah memberi pandangan yang jelas dan tuntas tentang sebuah perkahwinan yang rosak dalam masyarakat Islam pada zamannya. Beliau dengan tegas mengatakan seorang lelaki yang fasik tidak seharusnya menikahi mana-mana perempuan. Ini kerana pernikahan yang seperti itu akan memudaratkan perempuan tersebut meskipun pernikahan yang dilakukan adalah sah di sisi agama Islam. Pernikahan lelaki fasik yang tidak pernah solat sepanjang hayatnya dengan seorang perempuan sepatutnya tidak dipandang remeh oleh masyarakat Islam. Begitu juga apabila Imam al-Suyūṭīy membawa isu berkaitan hukum minum arak, hukum meminjam harta anak yatim dan hukum solat atas kenderaan. Dalam dialog dan soal-jawab yang terdapat dalam salah satu *maqāmāt*nya beliau telah menjawab dan menyatakan hukum kepada persoalan agama di atas. Ini sepertimana yang terdapat dalam teks berikut:

قلت: أَيْجُوزُ غُضْبُ الْكَمِيتِ؟ قَالَ: نَعَمْ وَرَبُّ الْبَيْتِ. (الْكَمِيتُ هُوَ الْخَرْمُ) قَلْتَ: أَيْجُوزُ قِرْضُ لَحْمِ الْبَيْتِ؟ قَالَ: نَعَمْ لِلْفَرْضِ الْمُسْتَقِيمِ.
(الْمَرَادُ بِالْفَرْضِ: الْأَسْلَافُ، وَاللَّحْمُ: الْمَلُوكُ) قَلْتَ: أَتَصْحَّ الصَّلَاةُ فِي الْكَنِيسَةِ؟ قَالَ: نَعَمْ إِذَا قَدِرَ قَسْسِيهُ. (الْكَنِيسَةُ: كَالْمَهْوِدَجُ عَلَى الدَّابَّةِ وَتَصْحُّ الصَّلَاةُ فِيهَا إِذَا كَانَتِ الدَّابَّةُ وَاقِفَةً)

Aku bertanya: Apakah boleh membenci al-Kumayt? Dia menjawab: Ya, demi pemilik rumah. Aku bertanya: Apakah boleh meminjam daging anak yatim? Dia menjawab: Ya untuk kefardhuan yang baik. Aku bertanya: Apakah sah sembahyang di gereja? Dia menjawab: Ya, jika dibenarkan oleh rahibnya.

Kalimah *al-Kumayt* dalam perbualan di atas memberi dua makna; pertama seekor kuda dan kedua sejenis arak. Lalu apabila ditanya apakah boleh membenci *al-Kumayt*? Maka Imam al-Suyūṭīy menjawab: Ya. Ini kerana, yang dimaksudkan dengan kalimah tersebut bukanlah seekor kuda tetapi arak. Begitu juga apabila beliau ditanya tentang hukum meminjam harta anak yatim. Beliau menjawab hukumnya harus jika digunakan pada tempat yang fardu dan betul. Seterusnya, hukum berkaitan solat di gereja. Imam al-Suyūṭīy menggunakan kalimah *kanīsah* dalam teks di atas. Kalimah ini juga mempunyai dua makna iaitu gereja dan tempat duduk di belakang haiwan seperti unta, keldai atau gajah. Oleh yang demikian, beliau menyatakan hukumnya adalah sah seandainya binatang tersebut berhenti. Penggunaan satu kalimah atau lafadz *mufrad* yang memberi dua maksud ini, sebenarnya adalah gaya bahasa *tawriyah* dalam perbahasan ilmu *badī'*. Di sini kita dapat, Imam al-Suyūṭīy telah menggunakan *uṣlūb tawriyah* dalam menyatakan tentang beberapa hukum-hakam agama. Maka tema persoalan agama dan hukum fikah merupakan antara gagasan idea yang diketengahkan oleh Imam al-Suyūṭīy dalam *maqāmāt*nya di samping tema-tema yang lain.

Berdasarkan petikan dari perbualan di atas, menunjukkan kepada kita bahawa Imam al-Suyūṭīy telah menggunakan lisan perawinya untuk menceritakan tentang hukum agama berkaitan

dengan beberapa perkara tertentu. Seolah-olah perawi tersebut yang bernama Hāshim bin al-Qāsim telah mengatakan bahawa hukum minum arak tidak harus. Tetapi beliau telah menggunakan *uslūb tawriyah* dalam menyampaikan hukum berkenaan. Jika diperhatikan dalam teks yang telah dinyatakan, Imam al-Suyūṭīy memang tidak bermaksud dengan kuda kerana kuda adalah binatang yang harus dipelihara oleh umat Islam tetapi yang beliau maksudkan ialah arak.

Kritikan dan Nasihat

Imam al-Suyūṭīy hidup di zaman kerajaan Mamālik Jarākisah dan beliau menyaksikan beberapa proses peralihan kuasa dalam kalangan pemimpin yang berlaku serta watak mereka selama berada di tahta pemerintahan. Beliau juga melihat pelbagai ragam ahli masyarakat di zamannya termasuklah mereka yang bergelar ulama dan ahli sufi. Peristiwa bandar Kaherah dilanda wabak taun yang mengorbankan banyak jiwa juga disaksikan sendiri oleh beliau. Maka tidak hairanlah apabila beliau menegur, menasihat dan mengkritik sikap pemerintah dan ahli masyarakat melalui seni *maqāmāt*nya dengan menggunakan gaya bahasa sastera kerana beliau merasakan perlunya nasihat atau kritikan itu disampaikan meskipun secara tersirat.

Rentetan perjalanan hidup beliau juga menyaksikan bahawa Imam al-Suyūṭīy mempunyai beberapa orang saingen atau musuh dalam kalangan ulama terkenal antaranya Imam al-Sakhāwiy (w: 902H) dan Imam Ibn al-Karkiy (w: 922H). Perseteruan ilmiah di antara tokoh-tokoh ini mendorong Imam al-Suyūṭīy mengarang sebuah *maqāmāt* untuk mengkritik cara penulisan Imam al-Sakhāwiy dan Imam Ibn al-Karkiy dalam beberapa buku mereka. Maka melalui beberapa buah *maqāmāt* yang beliau hasilkan, kita dapat melihat tema kritikan, teguran atau nasihat sangat dominan yang ditonjolkan oleh beliau. Sebagai contoh, Imam al-Suyūṭīy telah mencatatkan dalam *Maqāmah al-Kāwiyy ‘Alā Tārīkh al-Sakhāwiy* seperti:

ما ترون في رجل ألف تاريخاً جمع فيه أكابر أعياناً، ونصبه لأكل لحومها خواناً؟ ملأه بذكر المساوى وثلب الأعراض، وفوق فيه
سهاماً على قدر أغراضه والأعراض هي الأعراض: جعل لحم المسلمين من حمله طعامه وأدامه، واستغرق فيها أكلها أو قات فطره
وصيامه ولم يفرق فيه بين جليل وحقير

Apa pandangan kamu semua tentang seorang lelaki yang mengarang berkaitan sejarah dan telah menghimpunkan di dalamnya tokoh-tokoh hebat namun bertindak memakan daging mereka secara khianat? Dia telah memenuhi tulisannya dengan menyebut keburukan-keburukan dan menghina maruah-maruah mereka. Lalu atas semua perkara itu ialah anak panah-anak panah yang bertujuan menghentam dan mencaci kehormatan orang lain. Dia telah menjadikan daging kaum muslimin sebahagian dari makanan dan hidangannya. Dia bersungguh benar mengambil makanan dan hidangan tersebut pada waktu berbuka atau berpuasa sehingga dia tidak pernah membezakan antara benda yang baik dan benda yang buruk.

Dalam teks ini, Imam al-Suyūṭīy tanpa berselindung mengkritik dengan keras tulisan Imam al-Sakhāwiy yang terdapat dalam bukunya yang berjudul *al-Daw’ u al-Lāmi’*. Beliau berpandangan tulisan Imam al-Sakhāwiy yang menceritakan tentang kelemahan dan keibaian beberapa tokoh ulama merupakan satu penghinaan terhadap maruah diri tokoh ulama tersebut. Malahan Imam al-Suyūṭīy dengan tegas mengatakan bahawa perbuatan tersebut umpsama memakan daging kaum muslimin. Begitu juga tulisan beliau dalam mengkritik Imam Ibn al-Karkiy yang merupakan salah seorang penyokong Imam al-Sakhāwiy. Imam al-Suyūṭīy menyebutkan dalam mukaddimah *Maqāmah Tarzu al-‘Imāmah Fī al-Tafriqah Bayna al-Maqāmah Wa al-Qumāmah* seperti:

ويا أيها الناس أصيغوا إلى أنبئكم بتأويله، وأحدثكم بجملة الأمر وتفصيله، اعترى على عاد وبأداني بالإساءة وعاد أكثر من السفة، وملاً بشتمني فاه والشفه، ومد لسانه إلى هو قصير، ونظر إلى بعين النقص فانقلب إليه البصر خاسنا وهو حسير.... فأنهمله سنين، وعلمت أنني متى ملت عليه ميلة صار له صراغ ونین..

Wahai sekalian manusia, ambillah kamu sesuatu berita dengan penafsirannya sekali dan aku akan menceritakan kepada kamu sejumlah perintah secara terperinci. Telah melampau seorang musuh itu bila dia mula memburukkan aku dengan lebih teruk dari seorang yang bodoh. Dia telah memenuhi mulut dan bibirnya dengan mengejiku. Dia telah memanjangkan lidahnya kepada yang pendek dan melihat seseorang dengan pandangan merendah-rendahkan lalu pandangannya itu akan berbalik kepadanya dengan hampa sedang dia berkeadaan lemah lesu seterusnya dia diabaikan selama bertahun tahun. Aku tahu bahawa sesungguhnya aku apabila condong membalaikepadanya akan terjadilah kesakitan dan keperitan dalam hidupnya.

Manakala teks di atas pula, Imam al-Suyūṭī telah mengkritik karya penulisan Imam Ibn al-Karkiy dengan kritikan yang agak pedas. Beliau menganggap karya Imam Ibn Karkiy seperti sampah yang tidak bernilai jika dibandingkan dengan karya beliau sendiri yang sangat baik dan berkualiti. Beliau mengatakan bahawa tulisan Ibn al-Karkiy tidak ada faedah dan manfaat kerana terdapat kelemahan dalam penggunaan kalimah dan ayat serta kesalahan yang fatal dalam menyampaikan sesuatu maksud. Imam al-Suyūṭī menyebutkan lagi:

فكتب شيئاً دعاه مقامة وهو قمامة، فيه كنasse وزباله، وسفالة وفسالة، كأنما صبغ من حثي البقر، وحلي بقلائد البعر، وطلي بما في البيض الفاسد من مذر، لا ألفاظ ولا معانٍ، ولا فائدة يستفيداً منها، ولا طرب يرغب إلية المغاني، ساقطة الترتيب، ركيكة اللفظ والتركيب، كثيرة اللحن وقليلة التهذيب، كلّه إساءات وسفه..

Maka dia menulis sesuatu yang di panggilnya sebagai maqāmāt sedangkan ianya adalah sampah. Isi kandungannya terdapat kotoran dan sisa yang tidak diperlukan. Seolah-olah seperti baki makanan yang disediakan untuk lembu, perhiasan seperti ranta-rantai unta dan kekuningan yang terdapat pada telur yang rosak. Maqāmatnya tidak mempunyai lafaz dan juga makna, tidak mempunyai faedah yang boleh diambil dari makna-maknanya, dan tidak ada sesuatu yang menarik minat padanya mereka yang suka berhibur, susunannya teruk, lafaz dan ayatnya sangat buruk, banyak kesalahan bahasa, kurang penelitian, semuanya buruk dan kebodohan.

Sejarah dan Politik

Dapatan data juga menunjukkan bahawa Imam al-Suyūṭī ada menyentuh tentang tema sejarah dan politik dalam beberapa *maqāmāt*nya. Namun begitu, beliau tidak menyatakan secara langsung atau berterus terang, sebaliknya menggunakan kaedah perlambangan seperti bunga, wangian dan permata dalam membahaskan tentang pergolakan politik yang berlaku di zamannya. Dalam *Maqāmah Rayyāḥīn* misalnya Imam al-Suyūṭī menyebutkan:

فقام الياسمين: آمنت برب العالمين، لقد تجبيست يا جيس، وأكثرك رجس نجس، وأنت قليل الحرمة، واسمك مشمول بالعجمة،
وكيف تطلب الملك وأنت بعد قائم مشدود الوسط في الخدمة؟

Lalu berdiri al-Yāsamīn dan berkata: Aku beriman dengan tuhan seluruh alam, sesungguhnya kamu bersikap angkuh wahai si sompong yang hina. Kebanyakan kamu adalah kotoran dan najis dan kamu kurang dihormati. Namamu dipenuhi dengan kesamaran, lalu bagaimana kamu boleh meminta kekuasaan sedangkan kamu sewaktu berdiri untuk berkerja pun hanyalah memeluk tubuh?

Petikan di atas menunjukkan bahawa Imam al-Suyūṭiy cuba untuk menggambarkan tentang perebutan kuasa yang berlaku dalam kalangan pemimpin kerajaan Mamālik pada penghujung tahun ke lapan Hijrah. *Yāsamīn* yang dinyatakan dalam teks diatas adalah sejenis bunga yang melambangkan karakter seorang manusia yang inginkan kuasa pemerintahan. Bunga ini telah menegur sejenis bunga lain iaitu *Narjis*. *Yāsamīn* telah mengatakan kepada *Narjis* bahawa beliau tidak layak memegang tumpuk pemerintahan kerana mempunyai sikap yang sombong dan angkuh. Begitu juga apabila beliau menyebutkan seperti:

ثم قال أيها البنفسج بأي شيء تدعى الإمارة، وتطاوع نفسك والنفس أمارة، وأكثر ما عندك أنك تشبه بالعذار وبالنار في الكبريت،
وحاصل هذين يرجع إلى أشنع صيت، وما نفع ذكرته عنك إلا وأنا أفل مثله وأكثر....

Kemudian dia berkata: Wahai Banafsaj! Dengan alasan apakah kamu hendakkan sebuah negara dan kamu menyerahkan diri kamu kepada nafsu Ammarah. Perkara yang paling banyak di sisi kamu ialah sesuatu yang menyerupai tahi lalu dibakar dalam api dengan menggunakan belerang. Hasilnya keduanya adalah seburuk-buruk permintaan. Maka tiada manfaat aku menyebut tentangmu melainkan aku juga akan melakukan perkara yang serupa malahan aku lebih banyak kebaikan....

Ungkapan di atas merupakan kata-kata bunga *Naylofar* yang ditujukan kepada bunga *Banafsaj*. Sebenarnya sebelum *Naylofar* menungkapkan kata-kata seperti dalam teks di atas, *Banafsaj* terlebih dahulu telah bangun dan menyatakan kemarahannya kepada bungan *Nisrīn* yang membantu bunga *Yāsamīn* dalam berhujah tentang siapakah yang paling layak memegang tumpuk pemerintahan kerajaan Mamālik. Melalui teks di atas, Imam al-Suyūṭiy cuba menggambarkan tentang sikap para pemimpin kerajaan Mamālik yang sering bertelagah untuk menjadi sultan. Meskipun beliau menggunakan perwatakan bunga dalam perdebatan tersebut, namun dapat difahami bahawa bunga-bunga ini hanyalah lambang yang mewakili pewaris-pewaris sultan yang sedang berebut untuk manaiki tahta.

Perubatan dan Kesihatan

Berdasarkan tinjauan persuratan yang dilakukan, Imam al-Suyūṭiy ada mengarang sebuah kitab yang berjudul *al-Manhaj al-Sawiy wa al-Minhāl al-Rawiy Fī Tibb al-Nabawi*. Kitab tersebut banyak membincangkan tentang perubatan yang pernah diamalkan oleh Nabi SAW. Maka melalui karya *maqāmāt*nya beliau cuba untuk memberitahu khalayak pembaca tentang khasiat dan kelebihan buah, herba dan kekacang tertentu dalam menjaga kesihatan tubuh badan. Antara teks yang menggambarkan tema sedemikian ialah:

وإذا شويت الرمانة الحلوة وضمنت بها سكن وجع العين الرمدة، وزهر الرمان يقطع القيء الزرييع المفرط إذا خمدت به المعدة...

Dan apabila delima yang manis dibakar kemudiannya dikunyah oleh seseorang akan melegakan sakit mata. Begitu juga bunga delima mampu menghilangkan rasa loya yang melampau yang terjadi akibat perut berasid

Dalam *Maqāmah Tuffāhiyah* ini, Imam al-Suyūṭiy menjelaskan tentang kebaikan buah delima dari sudut kesihatan. Buah delima mempunyai beberapa khasiat yang mampu melegakan kesakitan seperti sakit mata dan rasa loya akibat perut berasid. Selain itu beliau juga menyatakan:

وحماضه يقوى القلب الشديد حر، وينفع الماليخوليا المتولدة من احتراق الصفراء، ويقمع البخار الحار والصفراء...

Dan rasa masamnya menguatkan jantung dan bermanfaat kepada pesakit yang mengidap penyakit melancholia yang terjadi akibat sakit perut yang dasyat. Ia juga menghalang perut berangin akibat pedas dan gastrik

Manakala dalam teks yang lain pula pengarang cuba menyatakan kelebihan buah limau yang dikenali dengan *Utrujj*. Buah ini mempunyai rasa yang masam dan mampu mengubati kesakitan perut akibat cacing, gastrik atau makanan pedas. Selain itu, buah ini juga sangat berkhasiat apabila dimasak dengan cuka kemudian diminum bagi merawat lendir kahak yang terdapat dalam tekak seseorang. Manakala perahan jusnya, mampu melegakan penyakit wanita. Rasanya yang masam boleh membantu menjaga kesihatan perut dan usus. Perut dan usus yang sihat dapat menghindarkan seseorang dari terkena penyakit buasir. Ini seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Suyūṭī sendiri sebagai mana teks berikut.

وإذا ألين طبخ بالخل وشرب قتل العلق المبلوحة وأخرجه، وعصارته تسكن علة النساء، وقشرة في الثالثة حرارة وبيسا، يقوى المعدة منه اليسيير وينفع أكله من البواسير

Dan apabila dilembutkan buah utrujj dan dimasak dengan cuka lalu diminum, ianya mampu menghilangkan sesuatu yang melekat di dalam tekak seperti lendir kahak. Jusnya pula mampu melegakan sakit wanita dan kulitnya jika dikeringkan kemudian dimakan boleh menguatkan perut dan bagus untuk penyakit buasir.

Implikasi Kajian

Kajian ini menunjukkan bahawa teks sastera yang bermutu tinggi sebenarnya mampu memberi implikasi dan natijah yang positif terhadap khalayak pembaca terutama dalam mendidik ke arah pemikiran yang kreatif dan kritis. Imam al-Suyūṭī sebagai salah seorang tokoh dalam sejarah ketamadunan Arab telah menjadikan teks sastera yang mengandungi pelbagai elemen gaya bahasa atau *uslūb* seperti *saja'*, *iqtibās*, *jinās*, *tawriyah* dan lain-lain lagi untuk menzahirkan beberapa tema penting yang disampaikan kepada ahli masyarakat dengan cara yang tersirat. Antara tema-tema yang dapat dikesan ialah bahasa dan sastera, agama dan hukum fikah, kritikan dan nasihat, sejarah dan politik serta perubatan dan kesihatan. Kajian ini mampu menonjolkan implikasi yang signifikan dan impak yang berkesan apabila melihat kepada gagasan pemikiran yang disampaikan oleh pengarang melalui tema-tema yang telah dinyatakan.

Kesimpulan

Kajian terhadap teks *maqāmāt* Imam al-Suyūṭī mendapati beliau seorang tokoh yang menguasai pelbagai disiplin ilmu pengetahuan. Ketokohan beliau bukan sahaja dalam bidang pengajian Islam malahan juga dalam bidang sejarah, perubatan, bahasa Arab dan sastera. Ketokohan ini menjadikan beliau mampu menggarap beberapa cerita dalam *maqāmāt* dengan tema dan mesej tertentu dengan menggunakan elemen sastera dan perlambangan. Meskipun ramai tokoh cendekiawan Arab banyak menulis tentang bahasa, agama, sejarah, politik dan kesihatan namun kebiasannya mereka menggunakan bahasa yang jelas dan mudah difahami untuk menceritakan tentang topik dan subjek tersebut. Berbeza dengan Imam al-Suyūṭī, beliau telah menjadikan karya sastera sebagai landasan untuk menonjolkan beberapa tema penting yang patut disampaikan kepada semua golongan masyarakat di zamannya termasuk pemimpin dan rakyat. Kaedah dan cara yang digunakan oleh beliau in mempunyai perbezaan dengan kaedah yang digunakan oleh ulama-ulama sebelumnya. Beliau banyak menggunakan gaya bahasa tersirat dan naratif cerita yang yang seolah-olah satu khayalan tanpa menyandarkan kepada seorang perawi dan hero tertentu. Penggunaan dialog atau

hiwār dalam *maqāmāt*nya merupakan satu cara untuk beliau menonjolkan kepelbagaian tema atau subjek dengan menggunakan berbagai-bagai watak. Namun begitu, Imam al-Suyūṭī masih terikat dengan cara dan kaedah ulama *maqāmāt* sebelumnya terutama dari sudut penggunaan *Muhassināt Badī’iyah Lafziyyah* yang terdapat dalam semua cerita *maqāmāt*nya.

Rujukan

- Al-Bustāniy, Buṭrus. (1979). *'Udabā' al-'Arab Fī al-Aṣur al-'Abbasiyyah*. Beirūt: Dār al-Jīl.
- Al-Darūbiy, Samīr Maḥmūd (1989). *Sharh maqāmāt al-Suyūṭiy*. Beirūt: Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Ghubāriy, ‘Iwaḍ. (2013). *Maqāmāt al-Suyūṭiy: Dirāsaḥ Fi Fan al-Maqāmah al-Miṣriyyah*. Kaherah: Dār al-Kutub Wa al-Wathāiq al-Qawmiyyah.
- Al-Shak'ah, Muṣṭafā. (1981). *Jalāl al-Dīn al-Suyūṭiy*. Kaherah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bāb al-Halabiyy.
- Darwīsh, Aḥmad. (2008). *Dirāsaḥ al-Uslūb Bayna al-Mu'āṣirah Wa al-Turāth*. Kaherah: Dār Gharīb Li al-Ṭabā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī'.
- Dayf, Shawqī. (2000). *Al-Fann Wa Madhāhibu-hu Fī al-Nathr al-'Arabiyy*. Kaherah: Dār al-Ma'ārif.
- Dayf, Shawqī. (1973). *Al-Maqāmah*. Kaherah: Dār al-Ma'ārif.
- Hasan, Muḥammad Rushdī. (1974). *Aṭhar al-Maqāmah Fī Nash'ati al-Qiṣṣah al-Miṣriyyah al-Ḥadīthiyyah*. Kaherah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-Āmah Li al-Kitāb.
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukram. (2003). *Lisān al-'Arab*. Beirūt: Dār al-Fikr.
- Lāshīn, ‘Abd al-Fattāḥ. (t,th). *Al-Tarākīb al-Nāḥwiyyah min al-Wujhah al-Balāghiyah 'Ind 'Abd al-Qāhir al-Jurjāniy*. Riyāḍ: Dār al-Mariyyah Li al-Nashar.
- Tāhir, Sulaimān Ḥamudeh. (1989). *Jalāl al-Dīn al-Suyūṭiy: 'Aṣruhu Wa ḥayātuḥu Wa Āthāruḥu wa Juhūduḥu Fī al-Dars al-Lughawiy*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmiy Li al-Ṭibā'ah Wa Nashr.